

Cara Berinteraksi

Daripada Abu Juhaifah RA, Rasulullah SAW bersabda:

جَالُوا الْكُبَرَاءِ، وَسَأَلُوا الْعُلَمَاءِ، وَخَالَطُوا الْحُكَمَاءِ.

Maksudnya: “Hendaklah kamu bersama pembesar-pembesar, bertanyalah para ulama dan bergaulah dengan ahli hikmah.”


Riwayat al-Tabarani dalam *Mu'jam Kabir* (22/125) no. (324) dan al-Haithami dalam *Majma' al-Zawa'id* (1/125). Beliau berkata hadis ini mauquf dan sahih sanadnya.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Sesungguhnya dalam melayari kehidupan sebagai manusia yang hidup bermasyarakat sudah pasti bertembung dengan pelbagai jenis manusia sama ada dari segi bahasa, bangsa, pangkat, keturunan, kekayaan, warna kulit, kedudukan dan lain-lain menjadikan manusia untuk berkenalan dan saling bantu-membantu.
2. Sifat dan sikap menghormati sesama manusia mengasih yang susah sudah pasti menjadikan dunia ini sebagai tempat yang penuh dengan keamanan dan kemakmuran. Sebagai contoh dalam hadis ini, untuk membina kehidupan yang murni dan baik hendaklah menghormati pembesar dan pemimpin.
3. Begitu juga menjadikan para ulama sebagai tempat rujukan utama untuk menyelesaikan segala pemasalahan agama dan juga kehidupan seharian ini kerana *wazifah* mereka sebagai *warasatu al-Anbiya* yang mewarisi daripada Nabi syariatnya untuk diajar kepada manusia.

4. Seterusnya kepada cendekiawan apabila kita selalu berdamping dengannya, sudah pasti dapat mempengaruhi daya pemikiran dan juga matlamat dan hala tuju hidup.
5. Oleh itu, bergaul dengan tiga golongan di atas boleh menambahkan kehebatan, keilmuan, ketajaman fikiran bahkan juga membaiki daya pemikiran.
6. Sebenarnya untuk menjadi insan yang soleh lagi bertakwa memerlukan kepada ilmu, tarbiah, *mujahadah al-Nafsi*, rakan taulan yang boleh membantu, persekitaran yang baik di samping niat dan kesungguhan untuk melakukan perubahan ke arah yang direndai Allah. Sudah pasti ini membawa kemudahan untuk mencapai ke puncak kejayaan.
7. Di samping itu, dengan memakaikan diri dengan sifat-sifat *mahmudah* dan menjauhi daripada sifat-sifat *mazmumah* sudah pasti membawa kebaikan dan kemuliaan dalam kehidupan. Akhirnya, sentiasa bertaubat dan beristighfar untuk menjadikan hati dalam kepatuhan kepada Allah SWT. Lihatlah kisah Umar Ibn al-Khattab yang menasihatkan kepada sahabatnya: “*Duduklah kamu bersama orang-orang yang bertaubat, kerana mereka itu mempunyai hati yang paling lembut.*”
8. Dalam kehidupan ini membina jalinan persahabatan membawa kepada banyak manfaat dan faedah. Mashum sebaliknya pula tanpa ikatan yang kukuh membawa kepada kelesuan ummah kerana masing-masing hanya memikirkan berkenaan dengan diri sendiri semata-mata.
9. Justeru, sikap *nafsi-nafsi* apabila bertapak dalam sesebuah masyarakat sudah pasti mengakibatkan banyak kemudarat seingga membawa kepada keruntuhan moral dan juga indeks jenayah akan meningkat.
10. Oleh itu, sewajarnya kita sebagai umat Islam menyatukan diri dalam masyarakat bagi menjadikan masyarakat benar-benar harmoni dari semua peringkat tanpa mengira warna kulit, bahasa, bangsa dan kaum. Tetapi melaksanakan amanah Tuhan yang menyeru ke arah bertaaruf, *ta'awun*, takaful dan juga nasihat-nasihati.



Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Iman, kesihatan, kekayaan, kebebasan, rasa aman, semangat muda dan ilmu adalah sari dari semua yang diinginkan oleh orang-orang yang berfikir. Namun hanya sedikit yang mampu mendapatnya sekaligus.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jika anda mencela seseorang itu bererti anda telah mencela Tuhan mereka yang Maha Tinggi. Allah SWT telah menjadikan mereka dari ketiadaan, namun mereka malahan ragu tentang kewujudan-Nya telah memberinya makan ketika kelaparan, malahan bersyukur kepada selain diri-Nya, dan telah memberi rasa aman dari ketakutan yang menimpa mereka, malahan mereka memerangi-Nya.

Kisah Teladan



Ketika beberapa orang lelaki datang kepada Hasan al-Basri RA, seorang daripada mengeluhkan kekeringan kepadanya, maka dia berkata kepadanya: *Mohon ampunlah kepada Allah SWT*. Yang lain mengeluh kemiskinan, yang lain lagi mengeluhkan sedikitnya keturunan, dan yang terakhir mengeluhkan kurangnya kesuburan tanah, maka Hasan al-Basri menyerukan mereka agar beristighfar.

Memperhatikan hal itu, sebahagian kaum berkata kepadanya: “*Telah datang kepadamu beberapa orang lelaki dengan bermacam-macam keperluan, lalu kau perintahkan mereka semua untuk beristighfar*.” Maka dia membacakan kepada mereka firman Allah SWT:

فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُ رَبِّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا ١٠ يُرْسِلُ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مَدْرَازًا ١١ وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا

Maksudnya: Maka Aku katakan kepada mereka: *Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya dia adalah Maha Pengampun, nescaya dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, dan membanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebun dan*



mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.

(Surah Nuh: 10-12)

Para doktor hati telah menjadikannya resepi bagi siapa yang ingin mengubati hatinya dari kegelapan dosa.